

**KDN Akan Perluas Transformasi Kepada Agensi Lain Di Bawahnya - Hishammuddin Bernama  
29 Januari, 2012**

KLUANG, 29 Jan (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri akan memperluaskan transformasi yang bakal dilaksana dalam pasukan Ikatan Relawan Malaysia (RELA) kepada agensi lain di bawahnya.

Menteri berkenaan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata langkah itu bagi memastikan agensi seperti Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan turut menikmati peningkatan dalam pelbagai aspek seperti Rela.

Diharapkan dengan cara ini dapat menggerakkan gelombang semangat kesukarelawan pada kalangan generasi muda, katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Tahun Baru Cina, di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Paloh, 40 km dari sini.

Sementara itu, mengulas penambahbaikan pada Rela termasuk penggubalan Akta RELA yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, Hishammuddin berkata keputusan tersebut bagi meremajakan Rela dalam menghadapi ancaman baru.

"Peranan RELA pada masa depan bergantung kepada peranan dan hala tuju RELA sekarang," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=642779>